

29 AUG 1996

ANWAR YAKIN LABUAN AKAN PUNYAI PELUANG KUKUH DALAM INSTRUMEN ISLAM

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan keyakinannya bahawa Labuan bukan hanya berkembang sebagai pasaraya kewangan luar pesisir yang menawarkan pelbagai jenis produk kewangan luar pesisir, tetapi akan mempunyai peluang yang kukuh di dalam instrumen kewangan Islam.

Dengan kepercayaan sedemikian, katanya bahawa Labuan bermatlamat untuk bertukar menjadi sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) utama di rantau Asia Pasifik.

"Di pihaknya, kerajaan telah berusaha sedaya upaya membangunkan Labuan seperti terbukti dengan jelas daripada sumber-sumber yang diperuntukkan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan prasarana yang sesuai," katanya di dalam prakata sebuah majalah mengenai Ujana Kewangan yang diedarkan pada pembukaan rasmi kompleks itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Majalah itu memberikan latar belakang mengenai kemudahan-kemudahan yang didapati di kompleks ujana kewangan RM360 juta itu.

Anwar berkata selain daripada kompleks ujana kewangan itu, peningkatan bekalan tenaga untuk sebuah hospital, sekolah antarabangsa, terminal lapangan terbang yang lebih besar, satelit telekomunikasi bumi dan sistem kabel dasar laut gentian optik di pulau itu diadakan.

Di sebaliknya, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) telah menjalani pembangunan sokongan untuk menjadi sebuah agensi sehati yang menawarkan khidmat nasihat dan pengawasan lengkap industri luar pesisir itu, katanya.

Dengan siapnya kompleks itu, ia merupakan mercu tanda utama di dalam pembangunan keseluruhan pusat kewangan luar pesisir di Labuan.

"Ia mengadakan prasarana yang tepat bagi menampung keperluan kerajaan bagi penempatan semula pejabat-pejabat pengurusan bank-bank luar pesisir dan syarikat-syarikat kewangan dari Kuala Lumpur ke Labuan, satu langkah yang direka untuk menumpukan dan memaksimumkan pembangunan pulau ini sebagai sebuah IOFC," katanya.

Anwar menambah kata penempatan semula itu telah menyumbang kepada pertumbuhan agak besar di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di pulau itu seperti digambarkan oleh peningkatan bangunan-bangunan komersil, projek-projek perumahan dan restoran-restoran baru.

Pembesaran perniagaan runcit diiringi oleh pembiakan firma-firma yang memberikan perkhidmatan profesional, katanya.

Perkembangan seumpama itu adalah sampingan yang biasa daripada kejayaan IOFC dan penerima manfaat utama ialah penduduk tempatan melalui pengujudan pekerjaan-pekerjaan dan peluang-peluang baru. -- BERNAMA

JSM OS/sia